

13 FEB 1996

Mahathir - Komponen

PENGAUDITAN PROJEK BAGI TANGANI DEFISIT

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Semua perbadanan dan agensi kerajaan serta sektor swasta yang terbabit dalam industri pembinaan diminta mengaudit projek masing-masing dalam usaha meningkatkan penggunaan komponen tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah ini perlu kerana pengurangan import komponen buatan negara luar dapat mengurangkan defisit akaun semasa yang dihadapi sekarang.

"Jika boleh, kita akan meningkatkan penggunaan komponen tempatan dan mengurangkan import. Langkah ini dapat mengawal defisit," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan upacara penyempurnaan Menara Kembar Petronas yang merupakan sebahagian daripada projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini.

Ketika ditanya sama ada pihak-pihak terbabit diberi tempoh untuk membuat pengauditan, Dr Mahathir berkata pihak berkenaan telah diberitahu supaya menegerakan proses itu.

Katanya, syarikat asing mungkin tidak bersetuju dengan langkah itu dan mungkin menuduh kerajaan cuba mengenakan kuota (terhadap komponen pembinaan).

"Mereka mungkin mengadu kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bahawa kita cuba mengenakan kuota dan mengamalkan perdagangan yang tidak sama rata. Tetapi jika tidak berbuat demikian, kita akan mengalami defisit dan mereka akan mendakwa bahawa kita tidak menguruskan ekonomi dengan betul," kata beliau.

Mengenai pandangan bahawa sektor pembinaan negara bergerak terlalu pantas, beliau berkata kebanyakan projek utama sekarang ialah untuk mempertingkatkan infrastruktur negara demi memenuhi kehendak pelabur utama.

Justeru itu, projek seperti pembinaan lapangan terbang, jalan dan landasan keretapi ialah untuk memenuhi kehendak pelabur," katanya.

Ketika ditanya sama ada negara akan meneruskan penyegeraan pelaksanaan semua projek besar, beliau berkata: "Ia bukan soal menyegerakan pelaksanaan projek. Tetapi kita cuba memastikan pertumbuhan yang sederhana kepada lapan peratus dan pada pandangan kita, ia bukan pertumbuhan yang tinggi."

"Kadang-kala, ia mengatasi kepantasan ini tetapi kita masih menetapkan pertumbuhan lapan peratus sebagai sasaran. Ia bukan kadar yang tinggi," kata beliau.

Mengenai sama ada kadar itu akan kekal di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Dr Mahathir berkata: "Kita akan terus menetapkan 8 peratus sebagai sasaran selagi kita mampu mengekalkannya."

Mengenai kemungkinan lebih ruang pejabat, beliau berkata kerajaan memang bimbang sehinggalah pemaaju memberi jaminan bahawa keadaan seperti itu tidak akan berlaku.

Mengenai projek Menara Kembar Petronas, Dr Mahathir melahirkan puas hati bahawa bangunan seperti itu, tertinggi di dunia dengan ketinggian 451.9 metres, dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat.

Projek itu dan KLCC dilancarkan pada Sept, 1992.

Pada upacara hari ini, beliau menandatangani dua plak khas yang kemudian dinaikkan ke tingkat atas bangunan 80 tingkat itu. -- BERNAMA

MAM SJA FAZ